



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA***

**DI MAJLIS MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN
BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT AKHIR KEBANGSAAN
TAHUN 1440 HIJRAH / 2019 MASIHI**

**HARI KHAMIS (MALAM JUMAAT),
10 JAMADILAKHIR 1440H / 14 FEBRUARI 2019M
(HARI KETIGA)**

**BERTEMPAT
DI PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَالِيِّ الْقَوْلِ: كِتَابٌ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكٌ لِيَدَبَرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى نَبِيِّهِ وَرَسُولِهِ الْأَمِينِ، رَحْمَةُ الْعَالَمِينَ، وَعَلَى أَلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَتَابِعِيهِ وَتَابِعِ التَّابِعِينَ
إِلَيْ يَوْمِ الدِّينِ.

Menghadap Kehadapan Majlis,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu-ribu Ampun,

Dengan penuh hormat dan ta'zimnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik dan juga mewakili Penasihat serta seluruh Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Majlis Musabaqah Membaca Al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun ini, menyembahkan setinggi-tinggi sembah junjung kasih di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis yang berkat ini.

Dan majlis yang berkat ini juga adalah dengan signifikannya tersendiri pada mensyiarkan ugama rasmi negara yang diamalkan ajarannya menepati syariatnya serta dikembangkan dalam dinamika kemajuan negara dengan sentiasa memelihara keharmonian bermasyarakat, berbangsa dan bernegara dalam aman sentosa dan sejahtera.

Sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik diikuti dengan mengurniakan titah yang sentiasa menyuntik semangat kerja ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan ugama yang mana adalah sentiasa mendapat perhatian berat daripada Kebawah Duli Tuan Patik demi kesempurnaannya.

Mudah-mudahan, dengan berkat daulat Kebawah Duli Tuan Patik serta dengan kebijaksanaan kerajaan berpemerintahan Beraja, insya Allah syiar Islam akan terus menyinari negara, menjadi sebahagian penting faktor pemangkin perkembangan dan kemajuannya yang direhui oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala.

Ke arah itulah antaranya musabaqah membaca al-Quran ini terus menerus dianjurkan di peringkat negara selama hampir 60 tahun.

Selain untuk memuliakan al-Quran sebagai kitab suci, penghormatan kepada al-Quran juga ialah dengan menjadikan pembalajarannya secara formal dalam sistem pendidikan negara.

Dalam artikata pembelajaran al-Quran itu termasuklah untuk memahami maksud ayat-ayatnya sebagai wahyu Allah yang menjadi panduan hidup hambaNya.

Kerana itu, tema musabaqah tahun ini menekankan usaha “Memperkasa Pembelajaran Al-Qur'an” yang meliputi memperkasa usaha-usaha memahami kandungan ayat-ayatnya.

Sejauh ini, usaha-usaha ke arah itu ialah selain dicapai dengan mempelajarinya sebagai ilmu tafsir al-Quran di peringkat pengajian di pusat tinggi ialah juga dilakukan menerusi siaran radio dan television.

Dan paling penting disebutkan ialah usaha pihak-pihak pusat pengajian tinggi khasnya UNISSA yang mengadakan Kursus Tadabbur Al-Quran kepada orang ramai sejak tahun 2016.

Dan lebih awal lagi iaitu semenjak tahun 2008 ialah Kursus Skim Kefahaman Al-Quran telah dianjurkan oleh Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran di Institut Tahfiz al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Dan pada tahun 2016 dan hingga sekarang ianya diteruskan dengan peserta-pesertanya terdiri daripada kumpulan-kumpulan orang ramai dan badan-badan atau persatuan-persatuan dan juga kalangan penjawat awam serta anggota perkhidmatan beruniform.

Diharapkan Kursus Tadabbur Al-Quran di UNISSA dan Skim Kefahaman Al-Quran di Institut Tahfiz al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang ada itu akan disusuli lagi dengan usaha pihak-pihak yang lain yang berkelayakkan, dengan kaedah dan pendekatan yang memberikan

kefahaman mengenai ayat-ayat al-Quran secara tafsir dan tadabbur menurut tema-tema ayatnya (thematical).

Ampun beribu-ribu ampun,

Demikianlah disembahkan. Sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke Majlis yang berkebajikan ini. Demikian juga hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah menjunjung kasih yang setinggi-tingginya di atas keberangkatan:

Paduka-Paduka Anaknda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah,
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuara
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Mesyuarat,
- Tetamu-Tetamu Khas,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Demikian juga dikesempatan ini hamba Kebawah Duli Tuan Patek bagi pihak amatlah berbesar hati dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan bantuan dan kerjasama yang ikhlas dalam menjayakan majlis ini dan semua pihak yang yang telah berkesudian memberikan berbagai bentuk sumbangan semata-mata bagi menjayakan dan memeriahkan lagi majlis yang penuh rahmat dan berkat ini.

Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala akan mengurniakan ganjaran pahala di atas segala usaha dan bantuan serta sumbangan mereka yang ikhlas itu. Mudah-mudahan negara kita Negara Brunei Darussalam akan sentiasa dilindungi serta diredhai oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala jua hendaknya. Amin.

Sekian dengan menjunjung ampun jua.

و بالله التوفيق والهداية
والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,
9hb Jamadilakhir 1440 / 14hb Februari 2019.